

**D.R. 7/2005**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2004) 2005.

**Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2004**

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan bilion tujuh ratus tiga puluh lapan juta tujuh ratus lapan ribu lima puluh lima ringgit (RM9,738,708,055) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 2004 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2004 [*Akta AJ206*] dan Akta Perbekalan Tambahan (2004) 2004 [*Akta A1227*].

*Rang Undang-Undang*

JADUAL.

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun</i> (RM)
B. 03	Jabatan Audit	208,070
B. 07	Jabatan Perkhidmatan Awam	14,975,640
B. 09	Badan Pencegah Rasuah	1,310
B. 12	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	234,263,951
B. 13	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	8,099,133,644
B. 14	Jabatan Kastam Diraja Malaysia	18,750,350
B. 15	Kementerian Luar Negeri	99,520,050
B. 41	Kementerian Pelajaran	960,064,800
B. 50	Kementerian Pertahanan	311,790,240
	JUMLAH	<hr/> 9,738,708,055 <hr/>

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak sembilan bilion tujuh ratus tiga puluh lapan juta tujuh ratus lapan ribu lima puluh lima ringgit (RM9,738,708,055) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2004.

[PN(U<sup>2</sup>)2206]